

# BEATAFED TABLET/ SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Triprolidine hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride  
(2.5mg/60mg, 1.25mg/32mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BEATAFED
2. Bagaimana BEATAFED berfungsi
3. Sebelum mengambil BEATAFED
4. Cara menggunakan BEATAFED
5. Semasa menggunakan BEATAFED
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BEATAFED
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BEATAFED

Ubat ini digunakan untuk melegakan simptom-simptom berkaitan dengan selesema, sinusitis (radang pada selaput sinus hidung) dan keadaan alergi termasuk demam alergi, asma alahan, rinitis vasomotor (bukan alahan) rinitis, *pollenosis* (sejenis tindak balas alahan terhadap debunga), rinitis alergi (sejenis radang alergi saluran pernafasan hidung) dan *urtikaria* (pembengkakan, gatal-gatal pada kulit).

## Bagaimana BEATAFED berfungsi

Pil ini mengandungi *pseudoephedrine hydrochloride*, sejenis dekongestan yang mengurangkan kebengkakan saluran darah dalam hidung anda. Ini membantu membuka saluran pernafasan hidung anda, memudahkan pernafasan.

Triprolidine ialah sejenis antihistamina yang menghalang bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alahan. Ini juga membantu mengeringkan cecair badan untuk melegakan simptom seperti mata berair dan hidung berair.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan BEATAFED dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan BEATAFED untuk tujuan lain.

## Sebelum mengambil BEATAFED

### - *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- *Triprolidine hydrochloride, pseudoephedrine hydrochloride*
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.
- sebarang ubat lain yang serupa

Jangan mengambil BEATAFED jika anda:

- mempunyai tekanan darah tinggi
- mempunyai penyakit jantung yang serius
- sedang mengambil atau telah mengambil ubat untuk kemurungan, iaitu perencat monoamine oxidase, dua minggu yang lepas

Jika anda mengalami mana-mana keadaan di atas, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Apabila BEATAFED digunakan untuk rawatan batuk dan selesema, ia tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak di bawah 2 tahun. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati dan dengan nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Penggunaan BEATAFED tidak digalakkan bagi bayi yang baru lahir atau pra-matang. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati bagi warga tua kerana risiko mengalami kesan-kesan sampingan lebih tinggi.

Tiada kajian manusia dilakukan di kalangan wanita hamil.

Penggunaan oleh ibu menyusu tidak digalakkan kerana *triprolidine* dan *pseudoephedrine* akan dirembeskan ke dalam susu ibu.

Jangan mengambil BEATAFED selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

### - *Sebelum mula mengambil BEATAFED*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawat atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- masalah hati
- tekanan darah tinggi
- penyakit jantung
- diabetes
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- glaukoma (tekanan dalam mata tinggi)
- masalah prostat

Jika anda hamil atau menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil BEATAFED.

### - *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan BEATAFED boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Dekongestan

- ubat penahan selera makan
- perencat monoamine oxidase
- ubat tekanan darah tinggi
- ubat antihistamina yang lain
- sedatif
- barbiturat
- hipnotik
- tranquiliser

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh BEATAFED atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil BEATAFED atau yang perlu dielakkan.

### Cara menggunakan BEATAFED

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini tanya doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa BEATAFED ialah:

*Dewasa dan kanak-kanak umur 12 tahun ke atas:*

1 biji atau 10ml, 3 atau 4 kali sehari.

*Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:*  
5ml hingga 7.5ml, 3 atau 4 kali sehari.

*Kanak-kanak umur 2 hingga 5 tahun:*  
2.5ml hingga 5ml, 3 atau 4 kali sehari.

Penggunaan tidak disyorkan pada bayi yang baru lahir dan pra-matang kerana mempunyai risiko mengalami kesan sampingan yang lebih tinggi daripada biasa.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk

anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

#### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil BEATAFED selagi diarahkan oleh doktor anda.

#### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah menghampiri waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil BEATAFED, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom jika terlebih dos termasuk:

- kecuaian atau ketidak stabilan
- sangat mengantuk

- kekeringan mulut, hidung atau tekak yang teruk
- kemerahan muka
- konvulsi
- khayalan
- peningkatan tekanan darah
- pening
- kulit kering
- sesak nafas
- denyutan jantung yang perlahan atau laju
- keterujaan

### Semasa menggunakan BEATAFED

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil BEATAFED.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil atau menyusukan bayi semasa mengambil ubat ini.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil BEATAFED untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana BEATAFED mempengaruhi anda. Ubat ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk atau kurang kecergasan di kalangan sesetengah orang. Jika anda mengalami sebarang simptom-simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan.

Berhati-hati ketika meminum alkohol semasa anda mengambil ubat ini. Jika anda minum alkohol, rasa pening atau gayang akan bertambah buruk.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan tersebut.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Sesetengah kesan sampingan yang biasa termasuklah:

- rasa mengantuk
- rasa loya
- muntah-muntah
- sembelit
- sakit perut

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan BEATAFED***- Penyimpanan*

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikenalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan BEATAFED dan ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta

atau ambang tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat. Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

*- Pelupusan*

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil BEATAFED atau ubat ini sudah melepas tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut***- Rupa dan warna produk**i. BEATAFED TABLET*

Pil berdiameter 8.0mm, berbentuk bulat, rata, bertanda "UPHA" dan berwarna putih.

*ii. BEATAFED SYRUP*

Sirap berwarna kuning dan berperisa buah-buahan.

*- Bahan-bahan kandungan**- Bahan-bahan aktif**i. BEATAFED TABLET*

Setiap pil mengandungi 2.5mg Triprolidine hydrochloride dan 60mg Pseudoephedrine hydrochloride.

*ii. BEATAFED SYRUP*

Setiap 5ml sirap mengandungi 1.25mg Triprolidine hydrochloride dan 32mg Pseudoephedrine hydrochloride.

*- Bahan-bahan tidak aktif**i. BEATAFED TABLET*

- *Sodium starch glycolate*
- *Microcrystalline cellulose*
- *Magnesium stearate*
- *Lactose monohydrate*
- *Pregelatinised starch*

*ii. BEATAFED SYRUP*

- *Quinoline yellow*
- *Sugar*
- *Citric acid*
- *Chloroform spirit*
- *Raspberry*
- *Liquid glucose*
- *Propylparaben*
- *Methylparaben*
- *Saccharin sodium*
- *Lemon*

*- Nombor MAL**i. BEATAFED TABLET*

MAL19860359AZ

*ii. BEATAFED SYRUP*

MAL19860358AZ

**Pengilang**

UPHA PHARMACEUTICAL MFG. (M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UPHA PHARMACEUTICAL MFG. (M) SDN BHD (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

01/07/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)260615/00166